

Penarikan Semula Produk MediKad Penjawat Awam

Soalan Lazim (FAQ) untuk pelanggan sedia ada dibawah skim MediKad Penjawat Awam

Bahagian 1 – Soalan Umum

1. Mengapa saya perlu pertimbang untuk bertukar ke MyMediKad Penjawat Awam? Apakah ciri utama MyMediKad Penjawat Awam yang tiada dalam pelan saya sekarang?

MyMediKad Penjawat Awam adalah produk komprehensif perubatan terbaharu khas untuk kakitangan penjawat awam dan badan berkanun berbanding MediKad Penjawat Awam. Berikut merupakan perbandingan produk:

Manfaat	MyMediKad Penjawat Awam (Produk Baharu)	MediKad Penjawat Awam (Produk Sedia Ada)
Had maksimum	Had setiap ahli sehingga RM125,000 setahun	Had seluruh keluarga sehingga RM200,000 setahun
Umur Pembaharuan	Sehingga 75 tahun	Sehingga 70 tahun
Elaun tunai	1. Hospital Kerajaan – Daripada RM200 sehingga RM400 2. Hospital Swasta (Pembayaran Balik) – Daripada RM200 sehingga RM400 3. Hospital Swasta (Tanpa Tunai <i>Cashless</i>) – Daripada RM100 sehingga RM200	Sehingga RM300 di hospital Kerajaan
Perbelanjaan pengebumian akibat Kematian Kemalangan	RM1,000	Tidak tersedia
Pilihan tanpa tunai atau tunai (bayar dan tuntutan)	Pilihan mod tuntutan tunai atau tanpa tunai untuk menikmati diskaun caruman	Tidak tersedia
Berbilang ahli dalam satu sijil	Perlindungan untuk ahli keluarga dalam sijil yang sama dan nikmati diskaun caruman berbilang ahli sehingga 10%	Tidak tersedia
Pilihan penolakan (deduktibel)	Pilihan penolakan untuk menikmati diskaun caruman	Tidak tersedia

2. Bagaimanakah Zurich akan memaklumkan saya tentang penarikan MediKad Penjawat Awam?

Kami akan menghantar surat untuk memaklumkan anda tentang penarikan MediKad Penjawat Awam dan penggantian dengan MyMediKad Penjawat Awam sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh tamat sijil anda. Kami juga akan memberikan anda butiran tentang manfaat dan caruman MyMediKad Penjawat Awam.

Surat ini akan menggantikan notis pembaharuan biasa kerana MediKad Penjawat Awam yang akan ditarik balik tidak lagi tersedia untuk pembaharuan.

3. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang ciri dan caruman MyMediKad Penjawat Awam?

Anda boleh:

a) Rujuk jadual manfaat, Lembaran Pendedahan Produk, Sijil Takaful dan helaian caruman MyMediKad Penjawat Awam yang disertakan dalam surat yang kami hantar kepada anda; atau,

b) Hubungi agensi berlesen di +603-8071 6908 atau e-mel MediKad.cs@gmail.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

4. Bilakah penarikan semula Medikad Penjawat Awam akan berlaku?

Penarikan semula Medikad Penjawat Awam akan bermula pada **1 Julai 2025**. Semua sijil sedia ada Medikad Penjawat Awam tidak lagi boleh diperbaharui bermula dari tarikh penarikan berkuat kuasa yang dinyatakan.

5. Apakah yang akan berlaku kepada sijil sedia ada saya yang masih belum tamat tempoh?

Semua sijil yang belum tamat tempoh akan kekal sah sehingga tarikh ulangtahun sijil.

Untuk sijil di mana ulangtahunnya adalah pada bulan Jun and Julai 2025, anda boleh memilih untuk melanggan pelan baharu MyMedikad Penjawat Awam dengan melengkapkan Slip Balas Surat Tawaran. Sijil anda akan dilanjutkan seperti sedia kala sehingga potongan baharu dari Biro Angkasa berkuatkuasa. Setelah menerima balasan anda melalui Slip Balas Surat Tawaran, pihak agensi dan Zurich akan membuat pemprosesan seterusnya dengan Biro Angkasa. Setelah pertukaran selesai, kadar caruman, manfaat, terma dan syarat akan tertakluk dibawah sijil MyMedikad Penjawat Awam dan anda akan menerima sijil baharu dari Zurich.

6. Jika saya melanggan sijil secara pembayaran tahunan dan telah menerima notis pembaharuan sijil saya di bawah MediKad Penjawat Awam, adakah saya masih boleh memperbaharui sijil saya?

Sekiranya sijil (pembayaran tahunan) anda tamat tempoh pada atau selepas **1 Julai 2025**, sijil anda tidak akan diperbaharui. Anda dinasihatkan untuk melanggan MyMediKad Penjawat Awam untuk meneruskan perlindungan perubatan anda.

7. Bolehkah saya membatalkan sijil sedia ada saya?

Anda boleh membatalkan sijil sedia ada anda dengan memberi Zurich/agensi berlesen notis bertulis. Selepas pembatalan, anda mungkin layak mendapat bayaran balik caruman berdasarkan terma dan syarat sijil anda.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran hubungan atau peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan kepada butiran hubungan atau peribadi anda. Anda boleh menulis atau menghantar e-mel kepada Zurich di alamat atau alamat e-mel di bawah:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad
Tingkat 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888
Call Centre: 1-300-888-622
E-mel: callcentre@zurich.com.my

9. Sekiranya saya mempunyai soalan lanjut, siapa yang boleh saya hubungi?

Anda boleh menghubungi kami melalui butiran hubungan kami di atas atau menghubungi agensi berlesen untuk soalan lanjut.

10. Adakah caruman saya akan meningkat/mengurang di bawah MyMediKad Penjawat Awam?

MyMediKad Penjawat Awam menyediakan perlindungan yang lebih komprehensif, oleh itu kadar carumannya adalah lebih tinggi berbanding Medikad. Walau bagaimanapun, anda dinasihatkan untuk memilih perlindungan yang sesuai mengikut kemampuan anda. Pelan perlindungan baharu ini menawarkan pilihan tanpa tunai (*cashless*), tunai (*non-cashless*) dan sebagainya. Sila rujuk Helaian Caruman MyMediKad Penjawat Awam untuk butiran lanjut.

11. Adakah terdapat sebarang ciri yang tersedia dalam sijil sedia ada saya yang tidak tersedia dalam MyMediKad Penjawat Awam?

Tidak.

12. Saya akan berumur 61 tahun pada hari lahir yang akan datang. Adakah saya dibenarkan menukar kepada MyMediKad Penjawat Awam selepas tamat tempoh sijil sedia ada saya?

Ya, anda dibenarkan melanggan MyMediKad Penjawat Awam kerana produk ini boleh diperbaharui sehingga umur 75 tahun.

13. Jika saya telah membuat tuntutan di bawah sijil MediKad Penjawat Awam yang sedia ada, adakah saya dibenarkan untuk melanggan MyMediKad Penjawat Awam? Adakah terdapat sebarang pengecualian baharu untuk MyMediKad Penjawat Awam akibat daripada tuntutan tersebut?

Ya, anda boleh melanggan MyMediKad Penjawat Awam selepas tamat tempoh sijil sedia ada anda. Tidak ada pengecualian yang akan dikenakan walaupun anda pernah membuat tuntutan di bawah sijil MediKad Penjawat Awam anda.

14. Jika saya telah membuat tuntutan di bawah sijil sedia ada saya, adakah rawatan susulan akan dibayar?

Ya, rawatan susulan (iaitu Manfaat Selepas Penghospitalan) akan dibayar mengikut had sijil MediKad Penjawat Awam anda.

15. Bolehkah ahli keluarga saya dilindungi apabila saya menukar kepada MyMediKad Penjawat Awam?

Ya, MyMediKad Penjawat Awam mempunyai ciri yang membolehkan anda melanjutkan perlindungan Takaful kepada ahli keluarga anda di bawah sijil yang sama walaupun pengiraan caruman adalah berdasarkan umur individu. Walaubagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa kemasukan mana-mana ahli baharu ke dalam sijil adalah tertakluk pada pengunderaitan penuh.

16. Apakah yang berlaku jika sijil sedia ada saya tertakluk pada caj tambahan (loading)? Adakah ini akan menjejaskan perlindungan saya di bawah MyMediKad Penjawat Awam?

Sebarang caj tambahan (loading) yang dikenakan ke atas sijil sedia ada anda juga akan dikenakan di bawah MyMediKad Penjawat Awam.

Bahagian 2 – Soalan Berkaitan Produk

A. MyMediKad Penjawat Awam

1. Bagaimanakah saya boleh melanggan MyMediKad Penjawat Awam tanpa pengunderaitan penuh?

Anda boleh melanggan MyMediKad Penjawat Awam tanpa pengunderaitan penuh tertakluk pada terma dan syarat berikut:

- a. Anda melanggan pelan MyMediKad Penjawat Awam dengan had Bilik Hospital & Makanan terdekat dengan syarat permulaan perlindungan di bawah MyMediKad Penjawat Awam akan berkuat kuasa serta-merta selepas tamat tempoh sijil MediKad Penjawat Awam anda.

Tempoh Menunggu 30 hari dan pengecualian syarat penyakit Tertentu dalam tempoh 120 hari pertama di bawah MyMediKad Penjawat Awam tidak akan diguna pakai.

Sila rujuk jadual di bawah untuk had Bilik Hospital & Makanan MyMediKad Penjawat Awam yang anda layak memilih mengikut pelan sedia ada MediKad Penjawat Awam anda:

MediKad Penjawat Awam (Produk Sedia Ada)	Pelan A	Pelan A	Pelan B	Pelan B
	Individu	Keluarga	Individu	Keluarga
Bilik Hospital & Makan	200	200	250	250
Had Tahunan Keseluruhan	100,000	150,000	150,000	200,000

MyMediKad Penjawat Awam (Produk Baharu)	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D
Bilik Hospital & Makan	200	200	200	200
Had Tahunan Keseluruhan	25,000	50,000	100,000	125,000
Kelayakan Yang Dibenarkan tanpa pengunderaitan penuh	Sehingga Pelan C*		Sehingga Pelan D*	

Contohnya, jika sijil MediKad Penjawat Awam anda ialah Pelan A Keluarga dengan had Bilik Hospital & Makanan sebanyak RM 200, anda boleh:

- I. Tukar kepada Pelan B MyMediKad Penjawat Awam tanpa pengunderaitan penuh.
- II. Sebagai alternatif, pilih pelan MyMediKad Penjawat Awam yang lebih rendah, contohnya kepada Pelan A tanpa pengunderaitan penuh.

* Nota: Sekiranya memilih pelan yang lebih tinggi daripada kelayakan yang dibenarkan di atas, ia akan dianggap sebagai permohonan baharu, yang akan tertakluk pada pengunderaitan penuh. Contohnya Pelan A Keluarga ingin bertukar kepada Pelan D MyMediKad Penjawat Awam.

2. Jika saya akan bersara dan ingin meneruskan perlindungan saya, apakah pilihan yang saya ada?

Anda boleh melanggan MyMediKad Penjawat Awam secara tahunan. Langganan secara tahunan selepas bersara hanya ditawarkan kepada pelanggan yang memperbaharui sijil sahaja.